

PENDIDIKAN SERTA KEMAHIRAN UKIRAN KAYU TRADISIONAL MELAYU:

NILAI EKSPRESI DAN MAKNA

IZANI MAT IL M. HUM. *

MD BAHARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN**

izani9595@yahoo.com* (*Penulis Koresponden*) & mdbahar@usm.my **

Abstrak

Kekuatan motif ukiran kayu tradisional sering dikaitkan dengan pendidikan serta kemahiran seniman ukir, kehalusan ukiran, fungsi ukiran, kreativiti dan nilai-nilai simbolik di sebaliknya. Namun, jika dihayati dengan lebih mendalam kekuatan motif ukiran kayu tidak terhenti hanya pada aspek visual. Di sebalik fungsi, keindahan ukiran, kemahiran pandai ukir, kreativiti pandai ukir dan nilai-nilai simbolik, tersirat juga ekspresi keperibadian seniman ukir untuk menyampaikan makna yang tersirat di sebalik karyanya yang juga mewakili masyarakat Melayu. Artikel ini cuba mengungkapkan bagaimana peranan pendidikan dan kemahiran dalam mentafsir elemen ekspresi dan makna yang diterjemahkan oleh seniman ukir tradisional Melayu. Dengan penghayatan ekspresi dan bahasa visual yang terdapat pada ukiran kayu tradisional penulis cuba menterjemahkan ruang pemikiran masyarakat Melayu tradisi dalam bentuk bahasa verbal dalam pendidikan dan seni kemahiran ketukangan tersendiri

Kata Kunci: Ekspresi, Makna, Kemahiran, Pendidikan

Dihantar : 3 Mac 2021

Disemak : 13 September 2021

Diterbit : 31 Mac 2022

* Pensyarah di Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris., 35900 Malaysia.

** Pensyarah di Pusat Pengajian ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Malaysia.



EDUCATION AND MALAY TRADITIONAL WOOD CARVING SKILLS: EXPRESSIONAL VALUES AND MEANING

IZANI MAT IL M. HUM. *

MD BAHARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN**

izani9595@yahoo.com* (Corresponding Author) & mdbahar@usm.my **

Abstract

The strength of traditional wood carving motifs is often associated with the education and skills of the sculptor, the finesse of the sculptures, the function of the sculptures, creativity and symbolic values behind them. However, deeper appreciation would show that the strength of wood carving motifs does not stop only at the visual aspect. Despite the function and beauty of sculptures, wood carving skills, the creativity of the statues and symbolic values, the personal expression of the sculptor to convey the implied meaning behind his work also represents the Malay community. This article reveals the role of education and skills in interpreting elements of expression and meaning that the traditional Malay carving sculptor translates. With the appreciation of the visual language of expression and the traditional wood carving, the author tries to translate the idea of conventional Malay society in the verbal language in education and the art of craftsmanship skills.

Keywords: Expression, Meaning, Skills, Education

Submitted : 3 March 2021

Revised : 13 September 2021

Published : 31 March 2022

* Lecturer at Faculty of Arts and Music, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Malaysia.

** Lecturer at Centre of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia , 11800 Malaysia.



1.0 Pendahuluan

Budaya yang statik adalah budaya yang akan mati dan budaya yang berterusan adalah budaya yang fleksibel dan *verstyle* yang sentiasa disesuaikan dengan perkembangan dimensi dan waktu (Izani Mat il *et.al.* , 2020). Namun budaya yang tinggi nilainya akan sentiasa bersesuaian dengan perubahan dimensi waktu semasa dan masa hadapan (The Liang Gee,1996). Begitu juga halnya dengan kesenian tradisional Melayu yang mana di sebalik kesenian tradisional Melayu masih terdapat banyak nilai-nilai yang belum digali secara mendalam. Kebiasaannya kesenian tradisional Melayu sering memiliki fungsi yang berganda (Sodarso Sp.,1999). Di satu sisi kesenian tradisional Melayu sering dikaitkan dengan aspek fizikal karyanya, manakala disisi lain pula ada tersirat nilai-nilai lain seperti makna, pemikiran, kemahiran dan teknologi masyarakatnya. (Md Baharuddin Abdul Rahman *et.al*, 2020).

Kesenian yang ada fungsi berganda ini memberi kekuatan pada kraf tradisional Melayu sejak turun temurun. (Md Baharuddin Abdul Rahman *et.al.* 2020). Dalam penulisan ini, penulis ingin menterjemahkan bagaimana ekspresi seniman ukir untuk menyampaikan makna di sebalik bahasa visual yang diungkapkan dalam ukiran kayu tradisional sebagai satu elemen penting dalam pendidikan serta kemahiran asas bangsa Melayu Nusantara (Izani Mat il *et.al.*, 2021). Dengan menggunakan ilmu psikologi seni dan ilmu budaya yang lain, penulis cuba menterjemahkan bahasa visual di sebalik ukiran kayu tradisional itu sendiri (Izani Mat il *et. al.*, 2020).

Berpegang kepada konsep seni adalah ekspresi, biasanya karya yang dihasilkan seperti “Rupa dan Jiwa” masyarakatnya, ia tidak cuma berhenti tahap “Rupa dan Jiwa” masyarakatnya semata-mata, akan tetapi ia menjangkau sampai tahap “ruang dan pemikiran” di sebalik “Rupa dan Jiwa” itu sendiri (Izani Mat il *et.al.* , 2021).

2.0 Pendidikan Seni Dan Kemahiran Ukiran Kayu

Bagi mempermudah pemahaman pembaca mengenai tajuk ini, ada baiknya kita memahami dulu pendidikan seni, pengertian seni dan kraf tradisional. Pendidikan adalah proses mengeluarkan potensi yang ada dalam diri pelajar, jadi pendidikan seni adalah mengeluarkan potensi seni dalam diri seseorang pelajar.(Mamanoor, 1999).

2.1 Pendidikan Seni Dan Ekspresi Pada Kraf Tradisional

Pendidikan seni kraf ini bukan sekadar mengajar kemahiran mengolah ukiran, tetapi ianya lebih mendalam ke arah mengeluarkan ekspresi dan emosi (jiwa). Oleh sebab itu jika kita memahami ukiran kayu tradisional Melayu dalam konteks seni dari sudut pandang Barat, ia akan kabur dan mengelirukan.

Pemahaman tentang seni secara umum sering kabur disebabkan oleh pemahaman yang kurang mendalam. Kita sering terkeliru antara seni dan estetika. Kita sering mendengar orang mengatakan “seni itu sesuatu yang indah”, “seni itu yang disukai ramai” (Osborne:1970), “seni adalah imej bentuk perasaan” (Osborne:1970), “seni adalah satu imej mental yang dinyatakan dalam bentuk melalui bahan yang terhasil dari karya sebenar dalam fikiran pemerhati” (Croce and Collingwood:1972) dan beratus



definisi tentang seni. Namun, bagaimana kita hendak membawa mereka mengetahui seni secara utuh, apa itu seni yang sebenar-benarnya kerana sebenarnya seni itu bukanlah boleh dihayati dengan kata-kata kerana seni itu datangnya dari perasaan dan perasaan yang dikatakan indah itu sebenarnya datang dari pengalaman.

Untuk lebih jelas, ada baiknya kita membawa mereka ke dalam proses penciptaan seni (Izani Mat il *et. all*, 2000). Dalam proses penciptaan seni, untuk mencapai tingkat seni, ianya harus melalui tiga tahap;

- i. Tahap penggunaan asas seni seperti unsur seni serta alat dan media yang digunakan. Tahap ini masih dikatakan tahap estetik.
- ii. Tahap penggunaan prinsip rekaan (pergerakan, keseimbangan, kepelbagaian, kontra, penegasan dan sebagainya) semasa menghasilkan karya. Tahap ini juga masih dikatakan tahap estetik.
- iii. Tahap ekspresi (samaada ekspresi secara objektif¹ atau subjektif²) seniman atau ekspresi dari karya yang dihasilkan (samaada ekspresi secara objektif¹ atau ekspresi subjektif²). Tahap ini baru dikatakan tahap seni.

Jadi di sini dapat difahamkan bahawa pemahaman seni secara umum adalah suasana atau mood yang diciptakan oleh sesuatu karya seni dan ekspresi seni ini pula tergantung pada latar belakang pengetahuan estetik pengamat. Sebagai contoh bila kita mendengar sesebuah lagu suasana atau mood yang diciptakan oleh lagu tersebut akan menarik naluri estetik kita untuk menghayati, itulah yang dikatakan seni. Tapi harus di ingat ianya juga tergantung pada pengalaman seni pengamat.

Hal yang sama berlaku pada seni kraf. Sebelum kita membincangkan secara mendalam tentang ekspresi pada ukiran tradisional, ada baiknya kita kupas sedikit apa itu kraf dan apakah ukiran tradisional Melayu. Jika kita melihat istilah kraf dalam sudut pandang Barat, istilah kraf atau *craftsmanship* menunjukkan makna kemahiran atau keterampilan. Namun, yang dimaksudkan kraf di sini adalah dalam bentuk produk karya seni. Menurut Sudarso Sp., ciri seni kraf dapat ditentukan dari tiga aspek utama iaitu:-

- i. *Craftsmanshipnya* yang tinggi dalam pembuatan.
- ii. Memiliki fungsigunaan.
- iii. Memiliki keindahan. (Soedarso Sp., 1990)

Ciri tersebut diperdalam lagi oleh SP Gustami dengan latar belakang seni kraf nusantara yang berkait langsung dengan pola fikir metafisik masyarakat Nusantara akhirnya karya kraf yang dihasilkan memiliki muatan nilai-nilai seperti nilai estetik,

¹Ekspresi objektif adalah suasana atau mood yang lahir apabila pengamat menghayati karya seni secara formal atau menghayati aspek estetik yang melekat pada karya tersebut.

²Ekspresi subjektif adalah suasana atau mood yang lahir apabila pengamat menghayati karya seni secara *content* yang dikaitkan dengan pengalaman peribadi pengamat.



simbolik, filosofis dan fungsional. (Sp. Gustami, 1992). Nilai-nilai yang sedemikian biasanya terdapat dalam kraf tradisional di mana kraf tradisional sering berkait dengan muatan makna dan filosofi yang menjadi latar belakang budaya masyarakatnya.

Gabungan dari ciri tersebut menjadikan kraf di Malaysia dapat dikategorikan dalam dua kelompok makna yang berbeza iaitu 'seni kraf' dan 'kraf seni'. Kelompok 'seni kraf' lebih berorientasikan pada aspek *craftsmanship*, gunaan dan keindahan dalam aspek formal manakala kelompok 'kraf seni' lebih condong pada seni halus yang mengarah kepada aspek *content* dalam seni seperti makna, estetik, ekspresi dan sebagainya.

2.2 Kemahiran Ukiran Kayu Tradisional Melayu

Ukiran kayu adalah merupakan salah satu karya seni tertua dalam masyarakat Melayu di Nusantara. Namun kerana sifat fizikal kayu yang jangka hayatnya pendek jarang ditemukan artifak berasaskan kayu yang boleh bertahan sampai ribuan tahun (The Liang Gee, 1996). Namun begitu terdapat juga beberapa peninggalan ukiran kayu yang boleh dijadikan contoh ukiran kayu tradisional sebagai contoh ukiran pada pada keris, ukiran pada istana seperti istana Sri Akar, Istana Tengku Long, Istana Bukit Candan, ukiran pada masjid seperti Masjid Kampong Laut dan beberapa yang lain. Dari beberapa contoh ukiran tersebut jelas sekali ukiran kayu tradisional bukan berasaskan pada bahan dan teknik pembuatannya, tetapi ukiran tradisional yang dimaksudkan adalah nilai-nilai tradisi yang terdapat pada ukiran tersebut samada aspek visual³ ataupun non visual⁴.

Di sini jelaslah ukiran kayu tradisional Melayu dapat dikelompokkan kepada dua kategori 'Seni Kraf dan 'Kraf Seni'⁵ 'Seni Kraf' adalah karya ukiran yang lebih berorientasikan pada fungsi fizikal produk dan nilai estetikanya lebih bersifat formal, manakala "kraf seni" lebih berorientasikan pada perasaan yang mengarah pada emosi, ekspresi dan pemikiran senimanya (Rupa dan Jiwa). Dari pemahaman ini kami kelaskan ukiran kayu tradisional ini kepada dua kelas, "Kelas Atas" dan "Kelas Bawah". Kelas Atas adalah kategori "Kraf Seni" dan "Kelas Bawah" adalah "Seni Kraf"

Penggunaan alatan tradisional juga menjadikan ukiran kayu tradisional Melayu juga lebih bersifat "ekspersif", penggunaan pisau wali, kikir pari, daun mempelas, syelek, dan peralatan pertukangan tradisional yang banyak menggunakan kemahiran tangan memberi ruang kepada seniman ukir untuk mengekspresikan perasaannya pada karya yang dihasilkan. Sebagai contoh proses meluakkan kayu dengan menggunakan pisau wali akan lebih meninggalkan kesan emosi dibandingkan dengan penggunaan pahat ukir. Dengan pisau wali proses meluak kayu memberi ruang kepada seniman ukir menghayati setiap lengkung motif ukiran berbanding dengan penggunaan pahat ukir.

³Aspek visual seperti motif, bentuk, warna dan bahan.

⁴Aspek non visual seperti, nilai makna, kepercayaan, ekspresi dan simbol.

⁵Ukiran kayu halus sering di terjemahkan dengan pemahaman produk yang halus, bersaiz kecil dan memerlukan ketelitian yang tinggi, tetapi pemahaman ukiran kayu halus yang sebenar adalah sama dengan seni halus yang menekankan aspek kehalusan perasaan mencakupi, makna, simbol, emosi dan ekspresi yang diciptakan oleh seniman semasa proses menghasilkan karya.



Hal yang sedemikian menjadikan ukiran kayu tradisional lebih sesuai bagi melihat ekspresi keperibadian seniman ukiran tradisional Melayu berbanding dengan ukiran kayu moden yang banyak menggunakan teknologi semasa dalam proses pembuatan.

3.0 Nilai Ekspresi Dan Makna

Ekspresi keperibadian Melayu pada ukiran kayu tradisional dapat dilihat dari beberapa aspek, seperti aspek “*content*” atau makna di sebalik visual motif ukiran dan aspek proses pembuatan ukiran. Dalam aspek makna, Abdullah Muhammad (Nakula), salah seorang penulis Melayu yang menterjemahkan bahasa visual pada ukiran kayu tradisional menjadi bahasa indah.

3.1 Ekspresi Keperibadian Melayu Di sebalik Ukiran Kayu Tradisional

Ekspresi keperibadian Melayu pada ukiran kayu tradisional dapat dilihat dari beberapa aspek, seperti aspek “*content*” atau makna di sebalik visual motif ukiran dan aspek proses pembuatan ukiran. Dalam aspek makna, Abdullah Muhammad (Nakula), salah seorang penulis Melayu yang menterjemahkan bahasa visual pada ukiran kayu tradisional menjadi bahasa indah. Dengan berteraskan bahasa visual pada ukiran tradisional dan latar belakang sosio budaya serta kepercayaan masyarakatnya, Nakula cuba meterjemahkan ekspresi seniman ukiran tradisional Melayu ke dalam bentuk bahasa indah, di mana kini bahasa indah tersebut akhirnya diangkat menjadi falsafah ukiran kayu tradisional Melayu.

Tumbuh Berpunca

Punca Penuh Rahsia

Tajam Tidak Menujah Lawan

Lilit Tidak Memaut Kawan

Dari falsafah tersebut jelaslah seniman ukir telah menanifestasikan keperibadian masyarakat Melayu di sebalik ukiran yang bersandarkan falsafah ilmu pendidikan Islam (Noriati A. Rashid *et.al.* 2016). Dengan berteraskan ajaran Islam sebagai pegangan masyarakat Melayu, seniman ukir telah mengespresikan keperibadian Melayu seperti berikut;

3.1.1 Ekspresi Ketakwaan

Makna falsafah 'Tumbuh Berpunca' adalah simbol ketakwaan masyarakat Melayu setelah masyarakat Melayu menerima Islam. Secara visual, motif ukiran kayu tradisional biasanya bersumber dari satu punca dalam setiap corak ukiran, samada dari benih, bunga, sulur atau pasu. Visual tersebut adalah gambaran keperibadian Melayu yang meletakkan segala sesuatu di atas muka bumi ini yang datangnya dari Allah dan secara tidak langsung ia membawa makna



bahawa setiap insan itu bersaudara dan berasal dari zat Allah (Noriati A. Rashid *et.al.* 2016).

Begitu juga dengan makna falsafah 'Punca Penuh Rahsia', Secara visual setiap pangkal motif pada ukiran kayu bermula dari pangkal yang tesembunyi. Visual tersebut adalah gambaran manifestasi kekuasaan Allah yang maha besar di mana kekuasaanNya diluar kemampuan berfikir manusia dan ianya tetap menjadi rahsia kepada manusia kerana manusia tidak sampai tahap untuk mengkaji kekuasaan Allah (Zakaria Adham, 2015).

Ekspresi ketakwaan juga terbukti semasa proses pembuatan ukiran. Sebagai contoh, ukiran pada bangunan ibadat seperti masjid, seniman ukir akan memilih bahan terbaik untuk membuat ukiran–dengan mengukir sehalus dan secantik yang mampu dibuat. Ini adalah kerana mereka menganggap mencantikkan rumah Allah adalah satu ibadat dan dengan ini, mereka akan menghasilkan karya yang terbaik. Sebagai contoh, ukiran pada masjid Kampong Laut di Kelantan masih dapat bertahan hingga kini kerana pemilihan bahan yang berkualiti adalah sebahagian dari ibadat yang mencerminkan keiklasan untuk membangunkan rumah Allah.

3.1.2 *Ekspresi Kedamaian*

Makna falsafah 'Tajam Tidak Menujah Lawan' adalah manifestasi ekspresi kedamaian yang bersandarkan ilmu ketauhidan yakni dalam mengapai jiwa-jiwa yang tenang (Mutmainnah) dalam aliran ilmu (Pendidikan) kesufian hakiki (el-Bhar al-Kelantani & Hj Ahmad al-Jelantani, 2013). Secara visual pada motif ukiran kayu tradisional yang berbentuk tajam seniman ukir akan menselisihkannya atau mengelakkannya dari bertembung antara dua motif yang tajam dengan disandarkan ilmu pendidikan dan kemahiran asli yang diwarisi (Bojonegoro, S.S., 2003). Visual tersebut adalah gambaran keperibadian masyarakat Melayu yang cintakan kadamaian dan tidak sukakan pertelingkahan.

3.1.3 *Ekspresi Kebersamaan*

Makna falsafah Islam tunggal itu dibutirkan melalui falsafah hasil seni 'Lilit Tidak Memaut Kawan' adalah mainfestasi ekspresi kebersamaan yang ikhlas. Bersahabat dengan penuh tulus dan ikhlas tanpa melihat kepentingan peribadi di sebalik persahabatan tersebut. Secara visual motif ukiran kayu tradisional biasanya dibuat dengan melilit dan tumpang tindih, lilitan di antara motif tersebut penuh harmoni. Visual tersebut adalah gambaran kehidupan masyarakat Melayu penuh mesra dan saling bantu membantu dan aman damai (Ibrahim Titus Burckhardt, 1989).



Selain dari aspek makna, aspek proses juga menggambarkan ekspresi kedamaian dan kebersamaan masyarakat Melayu. Ukiran kayu tradisional Melayu biasanya tidak ditandai dengan tanda pengakuan, tidak ada tanda nama seniman ukir atau tidak ada tanda tangan pengukir. Ini adalah simbol ekspresi seniman bahawa ukiran yang dihasilkan adalah milik bersama atau dengan kata lain sebagai mewakili masyarakat Melayu Nusantara (Izani Mat il, 2001).

3.1.4 Ekspresi Kesetiaan

'Patron' kepada seniman ukir yang bagus dalam masyarakat melayu tradisional adalah raja. Seniman ukir yang memiliki kemahiran mengukir biasanya diangkat menjadi pengukir di raja yang merupakan status tertinggi bagi seniman ukir kemahirannya (Sp. Gustami, 1992). Sebagai tanda penghargaan seniman akan mengespresikan kesetiaan dan sanjungannya kepada raja dengan menghasilkan ukiran pada istana yang indah melalui ilmu dan kemahiran yang dimiliki (Eng-Hock Chia, 2000). Bermula dari pemilihan bahan, mengukir dan bertukang, semuanya dibuat dengan yang terbaik. Hasilnya terbukti dengan terciptanya istana terbaik satu masa dulu seperti Istana Seri Akar, Istana Jahar, Istana Tengku Long, Istana Bukit Candan Kuala Kangsar, Istana Sri Menanti dan beberapa istana yang lain (Hashim Hj. Musa, 2005).

Sebagai ekspresi kesetiaan juga seniman ukir tidak meletakkan harga bayaran setiap ukiran yang dibuat. Mereka hanya diberi ganjaran mengikut budi bicara patron dan dengan secara tidak langsung meletakkan diri mereka tempat yang tertinggi di mana harga diri mereka tidak dapat disamakan dengan ganjaran material.

3.1.5 Ekspresi Kelembutan

Ekspresi kelembutan keperibadian melayu tercermin dari *liuk-lintuk* gerakan daun dan silat pada motif ukiran kayu tradisional melalui ilmu dan kemahiran yang tersendiri (Ibrahim Titus Burckhardt, 1989). Secara visual lipatan daun dan keharmonian susunan motif ukiran adalah cerminan ekspresi keperibadian melayu pada motif ukiran tradisional.

Bila kita menghayati gerak tari tarian melayu tradisional, kelembutan gerak tari yang lemah-gemalai seakan sama dengan ekspresi gerakan motif ukiran kayu tradisional Melayu melalui ilmu pegangan ketauhidan Agama (Pendidikan) dan dijelmakan melalui seni ketukangan bersandarkan motif alam yakni penciptaan hakiki (el-Bhar al-Kelantani & Hj Ahmad al-Kelantani, 2013).

3.1.6 Ekspresi Kehalusan

Sebuah hasil karya ukiran yang bagus terletak pada nilai estetikanya yang bersandarkan ilmu (pendidikan) tauhid hakiki dengan terjahan kemahiran yang dijelmakan melalui hasil seni secara batiniah kepada kemahiran insaniah (el-Bhar al-Kelantani & Hj Ahmad al-Jelantani, 2013). Namun untuk mencapai



tahap estetik yang tinggi, kreativiti, kemahiran, pengetahuan, ketelitian dan kehalusan kerja seniman ukir adalah syarat utama merangkumi keteguhan iman (dalaman) serta keyakinan serta ilham dengan disandarkan sanat ilmu dan kemahiran yang tinggi (el-Bhar al-Kelantani & Hj Ahmad al-Jelantani, 2013). Semuanya itu adalah untuk memenuhi syarat karya yang bagus dalam bentuk visual. Seniman ukir kayu tradisional melayu bukan hanya memenuhi syarat visual, seniman ukir kayu tradisional melayu menyatakan kehalusan pekertinya dengan mengekspresikan perasaannya melalui setiap lengkok motif melalui proses luakan dengan menggunakan pisau wali. Dengan pisau wali seniman ukir akan mengvisualkan kehalusan dan ketelitian pekerti melayu pada hasil karya yang dihasilkan.

4.0 Kesimpulan

Ekspresi keperibadian Melayu di sebalik ukiran kayu tradisional Melayu adalah sebuah renungan tentang keperibadian Melayu yang cuba diterjemahkan dari bahasa visual Melayu tradisi yang bertunjangkan ilmu dan falsafah Islam. Tidak semua pandangan tersebut bersesuaian dengan jiwa masyarakat Melayu secara umum. Hal ini kerana ekspresi biasanya bersifat peribadi yang teguh disandarkan kepada fahaman serta ideologi yang berlandaskan keperibadian Melayu tradisi yang bersifat ilmu ketuhanaan hakiki yang memjurus kepada adab budaya, kekeluargaan dan kebersamaan, ekspresi ini boleh digunapakai untuk renungan teras ilmu dan kemahiran adalah disandarkan kepada ilmu ketauhidan yang hakiki (SaAgama Samawi). Diharapkan daripada hasil tulisan ini, konsep neotradisional dapat menjadi wadah untuk mengekalkan sesuatu hasil makalah yang berharga dalam menciptakan sesuatu yang berharga dalam teras pendidikan dan kemahiran seni ketukangan yang disadur oleh Falsafah Islam yang tunggal dalam menjadi cabang pecahan ilmunya yang tersendiri.

Rujukan

- Bojonegoro, S.S. (2003). *"Sambutan Dirjen Dikti dalam Pembukaan Semiloka Peningkatan Kualitas Pendidikan Tinggi Seni di STSI Surakarta 29-30 2003"* Jakarta : Ditjen Dikti.
- el-Bhar al-Kelantani & Hj Ahmad al-Jelantani (2013). *Asas Insan Budiman*. Dicitak terbit oleh KB Excel Printing (M) Sdn. Bhd. & Excell Book Store, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. ISBN 978-983-3442-33-1
- el-Bhar al-Kelantani & Hj Ahmad al-Jelantani (2013). *Asas Keluarga Baitul Muslim*. Dicitak terbit oleh KB Excel Printing (M) Sdn. Bhd. & Excell Book Store, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. ISBN 978-983-3442-39-3
- Hashim Hj. Musa (2005). *'Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia'* Penerbit Universiti Malaya, cet. Ke-2, 2005. Izani Bin Mat, Amir Hashim, Md. Baharuddin Bin Haji Abdul Rahman (2021). Pendekatan Pengajaran Multilingual, Multidimensional dan Multikultural ke arah Melahirkan Pelajar Berkopetensi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial* e-ISSN 2289-7356, Bil.12, Mac 2021.



- Izani Bin Mat, Md. Baharuddin Bin Haji Abdul Rahman, Harleny Binti Abd Arif, Elis Binti Mokhtar (2021). *An Appreciation of Art in Malaysia: The Problems Benefits in Society*. PalArch's *Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology* ISSN 1567-214x, Vol.17, ISSUE 8, 2020, p414-421
- Noriati A. Rashid, Lee Keok Cheong, Zulkufli Mahayudin dan Zakiah Noordin (2016). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia (Edisi Ketiga)*. Oxford Fajar Sdn, Bhd. Dicitak oleh UG Press Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan, Malaysia,
- Soedarso Sp. (1999). "Seni Kriya: Cabang Seni Yang Gelisah", *Jurnal Pengetahuan dan Penciptaan Seni* VII/01 Yogyakarta:BP. ISI Yogyakarta, 1999.
- Sudarso Sp. (1990). *Tinjauan Seni: Sebuah Pengantar untuk Apresiasi Seni*, Saku Dayar Sana, Yogyakarta, 1990.
- The Liang Gee (1996). *Filsafat Keindahan*, PUBIB, Yogyakarta, 1996.
- Zakaria Adham (2015). Penterjemah kitab: Minhajul Abidin Wasiat Imam Al Ghazali Edisi Baru Bahasa Malaysia karangan Iman Ghazali. © Pertama 2015 Syarikat Percetakan Ihsan, Selangor Malaysia. ISBN 983-9581-23-6

